

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

SOALAN NO. 157

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian bagi memastikan kualiti guru di Malaysia mencapai piawaian/standard antarabangsa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa guru-guru KPM akan terus berkualiti melalui beberapa inisiatif yang telah diperkenalkan berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Bagi memastikan kualiti guru terus ditingkatkan seiring dengan perkembangan semasa, pelbagai latihan dan program secara berterusan dilaksanakan kepada guru di semua sekolah bagi memastikan pedagogi, kemahiran dan kompetensi mereka berada pada tahap yang tinggi.

Selain itu, bagi memastikan guru Malaysia mencapai standard kualiti yang ditetapkan, KPM telah membangunkan dokumen Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) semakan semula SGM 2009 dengan merujuk kepada *Southeast Asia Teacher Competency Framework* (SEA-TCF). SGM 2.0 akan menjadi panduan kepada semua guru, pemimpin dan pengurus sekolah/institusi/agensi pendidikan serta pemegang taruh dalam bidang pendidikan untuk menilai tahap kompetensi guru dan merancang

NO. SOALAN: 157

keperluan pembangunan profesionalisme berterusan (PPB) mereka, lantas memastikan kualiti guru di Malaysia mencapai piawaian/standard antarabangsa.

Di samping itu juga, KPM turut memperkenalkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (KPMg2) dan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) sebagai satu usaha untuk memastikan institusi pendidikan mempunyai standard yang boleh diiktiraf dan dijadikan penandaarasan bagi mencapai piawaian/standard antarabangsa. SKPM dan SKPK turut mengambil kira keperluan pelaksanaan pengajaran yang digunakan oleh semua guru sebagai panduan dan alat penilaian kualiti pengajaran di sekolah.

RT18/157